

Minuman 3-in-1 dedah peminum kepada 60 penyakit

Minuman 3-in-1 bawa sengsara



Pengambilan secara berlebihan dedah pengguna kepada penyakit diabetes

PARA penggemar produk minuman 3-in-1 mungkin berfikir panjang untuk menikmati minuman

KERATAN Kosmo!
kelmarin.

Kosmo
Oleh NOOR HASLIZA NUSI 29 JUL 2010
hasliza.nusi@kosmo.com.my

GEORGE TOWN - Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mendakwa seseorang yang meminum sebanyak 20 gelas minuman 3-in-1 dalam tempoh sebulan berpotensi untuk menghidap 60 jenis penyakit kronik.

Pegawai Penyelidik CAP, Ravi Vijaya berkata, antara penyakit tersebut ialah diabetes, kanser, buta, strok, lupa ingatan, kerencatan tumbesaran dan sel mati.

Menurut beliau, berdasarkan kajian yang dilakukan sejak 10 tahun lalu ke atas satu pek minuman coklat 3-in-1 seberat 28 gram, terdapat 55.6 peratus kandungan gula di dalamnya yang bersamaan tiga sudu teh ma-

Mis 2
nakala kopi (20 gram) ialah sebanyak 51.5 peratus dengan dua sudu teh gula.

"Besarnya kemungkinan kadar kandungan gula yang dimasukkan ke dalam setiap pek itu kini ditambah sebanyak dua kali ganda selain krimer kerana bahan penambah rasa itu diminati pengeluaran minuman terbabit.

"Bagi menganalisis tahap kandungan gula dalam minuman 3-in-1 yang berada di pasaran, kita akan membawa sampel pelbagai jenama itu ke makmal pada minggu depan," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Ravi memberitahu, CAP telah mengenal pasti jenama yang menjejaskan kesihatan tersebut termasuk minuman yang menjadi kegemaran ramai pengguna di negara ini.

Bagaimanapun, Pensyarah Pemakanan

dan Dietetik, Universiti Perubatan Antarabangsa, Profesor Dr. Fatimah Arshad menyangkal dakwaan CAP berhubung minuman 3-in-1 sebagai punca diabetes termasuk pelbagai penyakit kronik lain.

Beliau berkata, setiap kajian yang dikeluarkan seharusnya mempunyai bukti penyelidikan yang kukuh.

"Memang satu masa dulu setiap pek 3-in-1 mengandungi banyak gula tetapi hari ini kandungannya sudah berkurangan kerana ditambah dengan pepejal susu yang baik untuk kalsium.

"Selain itu, kandungan bahan-bahan kondisioner lain adalah pada paras yang dibenarkan," jelasnya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.